

16/06/2001

Ucapan dasar Dr M masih teka-teki

KUALA LUMPUR, Jumaat - Isu yang bakal disentuh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno yang bermula Khamis depan, terus menjadi teka-teki.

Malah, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, pada sidang akhbar hari ini, meminta semua pihak menunggu Dr Mahathir menyampaikan ucapan dasarnya pada perasmian perhimpunan itu.

"Kita tunggu apabila Yang Amat Berhormat Presiden menyampaikan ucapan. Saya tidak mahu memberi sebarang intro (bayangan) sehingga kita sampai pada peringkat itu.

"Seperti tahun-tahun lalu, itulah yang ditunggukan semua orang. Kalau kita beri latar belakangnya dulu, maka hilanglah tumpuan kepada ucapan," katanya.

Khalil juga mencadangkan media massa membuat ramalan sendiri mengenai apa bakal disampaikan Presiden Umno itu.

"Saudara boleh membuat sedikit ramalanlah... baru real," katanya.

Antara isu yang hangat diperkatakan ketika ini ialah peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan dan Bendahari Agung Umno, cabaran kepada ketuanan dan perpaduan Melayu.

Ditanya apakah persidangan agung kali ini akan `panas', Khalil berkata:

"Tak ada, tak ada sebab (untuk panas). Dulu pun jangkaan begitu, setiap tahun jangkannya mesti panas tetapi biasa saja.

"Perwakilan yang datang pun matang, mereka tahu mengenai kepentingan parti dan tahu apa yang perlu dilakukan," katanya.

Terdahulu, Khalil berkata, Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari itu, akan dihadiri 2,027 perwakilan selain wakil kelab Umno serta kira-kira 40 pemerhati pertubuhan dan parti politik asing.

Perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, akan didahului Majlis Taklimat Presiden Selasa depan di Dewan Merdeka yang mana Dr Mahathir akan menyampaikan amanatnya.

"Biasanya (Taklimat Presiden) menjurus kepada perkara berkaitan kepentingan parti, maka ia diadakan secara tertutup supaya perwakilan boleh mengemukakan pandangan dan soalan lebih terbuka kepada Presiden," katanya.

Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno pula akan diadakan pada keesokannya dengan dirasmikan serentak oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir pula akan merasmikan Perhimpunan Agung Umno pagi Khamis di Dewan Merdeka PWTC dan diikuti perbahasan oleh wakil badan perhubungan Umno negeri, Pemuda dan Wanita serta Puteri Umno dan Kelab Umno.

Usul yang akan dibahaskan ialah Ucapan Dasar Presiden, agama serta pendidikan dan ekonomi.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, Umno hanya akan mengeluarkan pas media kepada wartawan dan jurugambar yang memiliki kad perakuan akhbar yang dikeluarkan Jabatan Penerangan.

Katanya, wakil media yang tidak mempunyai kad perakuan akhbar itu boleh mendapatkan berita mengenai perhimpunan berkenaan daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

(END)